# Panduan untuk Kisah Kejayaan
## *Guide for Success Stories*

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).
*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).*

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumat PI1M** | (see table below) |
| **Lokasi** | (see table below) |

**Maklumat PI1M**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama PI1M** | Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama | | |
| **Nama Pengurus** | Noor Afiqah binti Mohd Rais | **No. Telefon** | 019-6837587 |
| **Nama Penolong Pengurus** | Nur Fatin Anisah binti Anis | **No. Telefon** | 011-12033191 |
| **Email** | kgbayailama@pi1m.com.my | | |

**Lokasi**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Daerah** | Jempol | **DUN** | Serting |
| **Mukim** | Serting Ulu | **Parlimen** | P127 Jempol |
| **Negeri** | N.Sembilan | | |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>Mohd Khairul Bin Hj Ali</td><td>Umur</td><td>34</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>erulburn@yahoo.com.uk</td><td>No. Telefon</td><td>019-692 6565</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>No 12, Kampung Bayai Lama,<br>72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>2016</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Perniagaan</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br>
Encik Khairul Bin Hj. Ali merupakan pengurus Koperasi Kampung Bayai Lama Jempol Berhad (KoBaL). Beliau telah dilantik pada tahun 2015 dan KoBaL ini telah ditubuhkan pada bulan Disember 2014. Beliau juga merupakan AJK JKKK Kampung Bayai Lama yang menyandang jawatan Biro Belia dan beliau juga banyak menguruskan hal-hal pengurusan kampung. Beliau juga mempunyai perniagaan sendiri iaitu perkhidmatan membaiki komputer. Beliau memulakan perniagaan sejak sepuluh tahun yang lalu. Sebelum ini, beliau memulakan perniagaan membaiki komputer ini di Pekan Batu Kikir yang terletak kira-kira 18 km dari rumah beliau. Atas desakkan keluarga yang memerlukan beliau menguruskan perniagaan keluarga iaitu menguruskan ternakan lembu dan atas kepakaran itu, pihak KoBaL telah memberi kepercayaan beliau untuk menceburi perusahaan barangan kulit. Oleh itu, internet dan capaian internet yang baik sangat diberlukan oleh beliau bagi memudahkan beiau berurusan dengan pembeli dan mencari idea-idea rekabentuk barangan kulit terkini.<br><br>
<u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br>
Sebelum adanya Pusat Internet 1Malaysia di Kampung Bayai Lama, Encik Khairul menghadapi pelbagai masalah. Hal ini adalah kerana, Kampung Bayai Lama tidak mempunyai capaian internet yang baik dan ianya menghalang daripada mempromosikan perniagaan ini kepada orang luar. Beliau juga sukar mendapatkan barangan komponen komputer dan barangan kulit mentah yang sukar dicari dikedai-kedai biasa. Beliau juga turut belajar secara tutorial di Youtube bagi membaiki model komputer yang terbaru serta rekabentuk barangan terkini produk kulit beliau.
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td><u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br>Melalui kelas latihan keusahawanan dan kelas-kelas ICT yang dibimbing oleh pengurus dan penolong pengurus Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama, beliau kini boleh mengiklankan perkhidmtan baiki komputer dan produk kulitnya di dalam laman media sosial seperti Facebook dan aplikasi Whatsapps. Hal ini demikian kerana pelanggan lebih mudah untuk berurusan dengan memperolehi info mengenai perkhidmatan membaiki komputer dan produk kulitnya melalui iklan yang dimuat naik oleh beliau di dalam laman sosial. Secara tidak langsung pendapatan bulanan beliau kini meningkat sedikit demi sedikit iaitu antara RM500-RM600. Bagi produk kulit pula, KoBaL telah meningkat keuntungan sebanyak 80% dibawah kendalian beliau. Perkhidmatan membaiki komputer pula meningkat apabila sekolah-sekolah berdekatan memerlukan perkhidmatan beliau manakala produk barangan kulit telah meningkat tempahannya setelah dipaparkan produknya di dalam media sosial.</td></tr>
<tr><td>Penggunaan PI1M</td><td><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u><ul><li>Mempelajari cara untuk memuat naik gambar atau membuat iklan di laman Facebook.</li><li>Mempelajari perisian Microsoft Office Word bagi memudahkan untuk mengisi maklumat pelanggan dan penyediaan dokumen-dokumen urusan jual beli.</li><li>Dapat mempelajari cara-cara untuk melayari internet untuk mendapatkan tutorial cara-cara membaiki komputer model komputer dan rekabentuk produk kulitnya yang terbaru.</li></ul><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u><ul><li>PI1M dapat membantu terutamanya untuk memuat naik gambar ke dalam laman sosial.</li><li>Memberi kelas tambahan atau kelas-kelas ICT secara percuma kepada ahli berdaftar dan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai teknologi pada masa kini.</li><li>Butiran-butiran yang dimuat naik dalam laman web memberikan info yang sangat berguna kepada pelanggan dan membuatkan bilangan pelanggan bertambah untuk memerlukan perkhidmatan membaiki komputer dan barangan kulit yang sanagat bermutu.</li></ul></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Online Platform</td><td>
<table>
<tr><td>Laman Web</td><td>-</td><td>Blog</td><td>-</td></tr>
<tr><td>FB</td><td>-</td><td>Instagram</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Whatsapp</td><td>Telefon sendiri</td><td>Email</td><td>erulburn@gmail.com.uk</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Gambar & Keterangan</td><td>
i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri
<table>
<tr><td></td></tr>
<tr><td>Caption : En. Khairul mempelajari cara-cara penyediaan dokumen pembeli dengan menggunakan perisian Microsoft Office Word</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|



Caption : En. khairul mempelajari tutorial cara-cara membaiki komputer di Youtube

## ii) Produk / Hasil Transformasi




Caption : Kedai Membaiki Komputer yang telah diusahakan oleh En Mohd Khairul yang terletak di Pekan Batu Kikir

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|




Caption : Antara produk kulit yang telah diusahakan oleh En. Mohd Khairul

### iii) Promosi di Media Sosial / Laman Web




Caption : Antara gambar produk kulit En. Mohd Khairul yang telah dipromosikan di Page JKKK Kampung Bayai Lama

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | **iv) Lain-lain (contoh : proses penghasilan produk, penglibatan dalam aktiviti lain, dsb)** |



Caption : Semasa proses pembuatan kuih tradisional di bengkel IKS bersama dengan usahawan wanita yang lain



Caption : En. Mohd Khairul juga telah membuat lawatan ke Indonesia untuk melihat pasaran kulit disana

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td><br>Caption : Antara pekerja En. Mohd Khairul yang sedang menyelia ternakan lembunya</td></tr>
<tr><td>Maklum balas</td><td>Maklum balas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M<br><br>Selaras dengan usaha murni pihak kerajaan dalam memajukan penduduk di luar bandar terutamanya, PI1M harus diperbanyakkan lagi seluruh Malaysia kerana dapat membantu penduduk di luar bandar khususnya menimba ilmu dan tidak ketinggalan dengan arus modenisasi yang sangat memerlukan ilmu ICT dalam kehidupan seharian.<br>Selain itu, promosi mengenai PI1M juga perlu dipergiatkan supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan dengan melayari internet dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan serta dapat menjana ekonomi penduduk luar bandar seterusnya merapatkan jurang digital.</td></tr>
</table>

**Sila kemukakan laporan ini berlandaskan panduan yang diberikan dan dihantar ke Jabatan Komuniti Pintar Digital melalui emel kepada**
**noor.hidayah@cmc.gov.my**

**Tarikh Penyerahan Laporan :**

| Tempoh data | Penyerahan laporan |
|---|---|
| Suku Pertama (Jan – Mac) | sebelum 1 April |
| Suku Kedua (April – Jun) | sebelum 1 Julai |
| Suku Ketiga (Julai – Sep) | sebelum 1 Oktober |
| Suku Keempat (Okt – Dis) | sebelum 1 Januari |